



JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI
PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI
KALI KE-231 BIL.38/2026

PEMAKLUMAN DAFTAR MASUK KE KOLEJ KEDIAMAN SEMESTER 1 BAGI
SESI AKADEMIK 2026/2027

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Kepada Semua Pelajar Kanan, UMPSA

2. Merujuk kepada Pengumuman Rasmi Bilangan 5 Tahun 2026 pada 24 Ogos 2026 berkaitan: Pembatalan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Secara Hibrid bagi Sesi Akademik 2026/2027 Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian bagi Pelajar Kanan untuk tempoh 28 September 2026 hingga 2 Oktober 2026 adalah sebagaimana yang telah ditetapkan.

3. Sehubungan itu, bagi memastikan urusan kemasukan ke Kolej Kediaman dapat dilaksanakan dengan teratur serta mengelakkan sebarang kekeliruan, semua pelajar kanan yang telah menerima penempatan Kolej Kediaman bagi Semester 1, Sesi Akademik 2026/2027 adalah diminta mengambil perhatian terhadap ketetapan berikut:

Perkara	Ketetapan
Daftar Masuk Secara Dalam Talian	Bermula 26 September 2026 (Sabtu)
Platform	Portal MyGading
Tarikh Daftar Masuk Fizikal	3 Oktober 2026 (Sabtu)
Masa Daftar Masuk Fizikal	9.00 pagi hingga 4.30 petang
Tempat Daftar Masuk Fizikal	i. UMPSA Paya Besar - Pejabat Kolej Kediaman mengikut penempatan pelajar ii. UMPSA Pekan – Dataran Kompleks Aspirasi Siswa

4. Untuk mengelakkan sebarang kekeliruan, **proses daftar masuk secara dalam talian** melalui Portal MyGading (<https://gading.ump.edu.my/ump/r/student/sppa-portal/login-page?session=100105335757545>) **mulai 26 September 2026** adalah bagi tujuan pendaftaran dan pengesahan penempatan dalam sistem sahaja. Proses tersebut tidak bermaksud pelajar

telah dibenarkan untuk hadir, mengambil kunci atau menduduki bilik di Kolej Kediaman pada tarikh berkenaan.

5. **Tarikh rasmi bagi kehadiran dan daftar masuk secara fizikal ke Kolej Kediaman adalah pada 3 Oktober 2026 (Sabtu), mulai jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang.** Justeru, pelajar diminta merancang perjalanan dan urusan kemasukan ke kampus berdasarkan tarikh tersebut.

6. Semua pelajar yang telah menerima penempatan Kolej Kediaman hendaklah:

- i. Melaksanakan daftar masuk secara dalam talian melalui Portal MyGading **mulai 26 September 2026;**
- ii. Memastikan proses daftar masuk secara dalam talian **telah berjaya diselesaikan** sebelum hadir untuk daftar masuk fizikal;
- iii. Hadir ke Pejabat Kolej Kediaman atau lokasi yang ditetapkan berdasarkan penempatan masing-masing **pada 3 Oktober 2026** dalam tempoh masa yang telah ditetapkan, dan pelajar dinasihatkan agar membuat persediaan lebih awal dan memastikan proses daftar masuk secara dalam talian diselesaikan terlebih dahulu bagi **melancarkan urusan daftar masuk serta mengelakkan sebarang kesulitan pada hari pendaftaran.**
- iv. Mematuhi segala arahan, peraturan serta prosedur daftar masuk yang ditetapkan oleh pihak pengurusan Kolej Kediaman.

7. Pelajar adalah **tidak digalakkan hadir lebih awal daripada tarikh daftar masuk fizikal** yang ditetapkan bagi mengelakkan sebarang kesulitan memandangkan persediaan kolej kediaman sedang dilaksanakan bagi memastikan kemudahan dan penempatan berada dalam keadaan bersedia untuk menerima pelajar.

8. Sekiranya terdapat keperluan khas atau keadaan luar jangka yang memerlukan pertimbangan kemasukan lebih awal, permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pusat Perkhidmatan Pelajar (PPP) untuk pertimbangan terlebih dahulu. Sebarang permohonan adalah tertakluk kepada justifikasi, kekosongan, kesiapsiagaan kolej kediaman serta kelulusan pihak Universiti.

9. Pelajar dinasihatkan supaya membuat persediaan perjalanan lebih awal dan sentiasa merujuk saluran rasmi UMPsa bagi mendapatkan maklumat terkini. Sebarang perubahan terhadap ketetapan daftar masuk akan dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui saluran rasmi Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni.

10. Sebarang pertanyaan berkaitan urusan daftar masuk Kolej Kediaman boleh dikemukakan terus kepada Pusat Perkhidmatan Pelajar atau melalui e-mel residen@umpsa.edu.my.

Sekian, harap maklum.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Disediakan oleh:

PUSAT PERKHIDMATAN PELAJAR
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Tarikh: 8 September 2026